

11 AUG 2003

Bioteknologi/I

20 FIRMA LAGI BERMINAT TEMPATKAN OPERASI DI LEMBAH BIO MALAYSIA

SHAH ALAM, 11 Ogos (Bernama) -- Kerajaan sedang berunding dengan 20 lagi syarikat yang berminat menempatkan operasi mereka di Lembah Bio Malaysia, kata Penasihat Sains di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idrus.

Beliau berkata setakat ini, tiga syarikat bioteknologi telah memperuntukkan RM110 juta bagi menubuhkan kilang di lembah itu yang terletak di kawasan seluas 80 hektar di Dengkil, Selangor.

Apabila dimajukan sepenuhnya, Lembah Bio Malaysia akan menempatkan sekurang-kurangnya 150 industri atau perbadanan serta menjadi pusat yang menggabungkan industri dan pengetahuan akademik, katanya semasa merasmikan Institut Bioteknologi Universiti Teknologi MARA (UiTM) di sini hari ini.

Institut itu akan menjadi wadah bagi UiTM untuk menjalankan kegiatan penyelidikan dalam pelbagai disiplin berkaitan biologi molekular dan bioteknologi.

"Lembah bio ini akan menyediakan banyak peluang bagi gandingan serta kerjasama antarabangsa dan aspek ini perlu direbut oleh semua institut penyelidikan," kata Dr Ahmad Zaharudin.

Lembah Bio Malaysia yang diurus bersama oleh Biovalley Development Corporation dan Business Development Directorate juga akan mempunyai sembilan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta sembilan universiti.

Tiga institut penyelidikan kebangsaan -- Institut Genomiks dan Biologi Molekular, Institut Farmaseutikal dan Natraseutikal serta Institut Bioteknologi Pertanian -- akan turut dibina di lembah itu.

Dr Ahmad Zaharudin juga berkata bagi memenuhi hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar Malaysia melahirkan pemenang Hadiah Nobel menjelang tahun 2020, Kementerian Pendidikan telah menyediakan konsep bagi satu program khusus dikenali sebagai Program Pemenang Hadiah Nobel.

--BERNAMA

LES SP MAI